

Pelaksanaan Bantuan Pendidikan Kepada Murid B40: Isu-isu dan Cadangan Penambahbaikan

(Implementation of Educational Assistance for B40 Students: Issues and Suggestions for Improvement)

Siti Haida Abd Rahman^{1*}, Johari Johar Mod Yusoff¹, Bity Salwana Alias¹,
Aida Hanim A. Hamid¹

¹ Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor, Malaysia

*Pengarang Koresponden: P134037@siswa.ukm.edu.my

Received: 25 October 2024 | Accepted: 2 December 2024 | Published: 31 December 2024

DOI: <https://doi.org/10.55057/jdpd.2024.6.5.13>

Abstrak: *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013 – 2025 menetapkan salah satu matlamat yang ingin dicapai adalah memastikan semua kanak-kanak mendapat akses kepada pendidikan berkualiti tanpa mengira latar belakang sosioekonomi, lokasi, jantina, bangsa dan etnik. Justeru, isu dan cabaran yang menghalang matlamat tersebut perlu dikenal pasti dan diselesaikan dengan strategi yang bersesuaian. Masalah sosioekonomi merupakan antara cabaran yang menjadi punca segolongan kanak-kanak tidak dapat mengikuti arus pendidikan dengan baik dan menimbulkan isu-isu lain seperti keciciran dalam pembelajaran. Isu dan cabaran ini mesti diatasi agar tidak berterusan menjadi penyebab kanak-kanak B40 terpinggir daripada akses pendidikan berkualiti. Sehubungan itu, artikel ini mengupas isu dan cabaran yang dihadapi dalam pelaksanaan bantuan kepada kanak-kanak B40 selain meninjau isu dan cabaran lain berkaitan pendidikan murid B40. Selain itu, artikel ini juga mencadangkan peranan-peranan yang boleh dilaksanakan oleh Kerajaan, kepimpinan sekolah, guru-guru, ibu bapa, pihak berkepentingan dan komuniti setempat dalam membantu menangani isu dan cabaran yang wujud. Isu, cabaran dan strategi pelaksanaan yang terkandung dalam artikel ini akan dapat membantu pihak-pihak berkaitan dalam usaha menambahbaik pelaksanaan penyaluran bantuan dan memberi idea tentang peranan yang boleh dimainkan oleh pelbagai pihak ke arah memastikan pelajar B40 mendapat akses pendidikan yang berkualiti.*

Kata Kunci: isu pendidikan, jurang pendidikan, pendidikan B40, akses pendidikan, bantuan pendidikan

Abstract: *One of the goals to be achieved in the Malaysia Education Development Plan (PPPM) 2013 – 2025 is to ensure that all children have access to quality education regardless of their socioeconomic background, location, gender, race, and ethnicity. Therefore, the issues and challenges that hinder this goal need to be identified and resolved with appropriate strategies. Socioeconomic problems are among the challenges that cause some children to be unable to follow the educational flow properly, leading to other issues such as dropouts and academic failures. These issues and challenges must be overcome so that they do not continue to be a cause of B40 children being marginalized from access to quality education. This article discusses the issues and challenges faced in the implementation of assistance to B40 children, as well as other related educational issues and challenges that also act as barriers to the goals desired by PPPM. Additionally, this article proposes roles that can be played by the*

Government, school leadership, teachers, parents, stakeholders, and the local community in helping to address the existing issues and challenges. The issues, challenges, and implementation strategies contained in this article will assist relevant parties in their efforts to improve the distribution of assistance and provide ideas about the roles that various parties can play to ensure that B40 students have access to quality education.

Keywords: educational issues, educational gap, B40 education, access to education, educational assistance

1. Pendahuluan

Kemiskinan merupakan isu global yang perlu diberi perhatian serius dengan pendekatan penyelesaian yang sesuai. Menurut Astro Awani (2024, April 28), sehingga Oktober 2023, terdapat 700 juta penduduk dunia yang berada dalam kancan kemiskinan dan bertahan dengan pendapatan kurang daripada 2.15-dollar sehari dan melebihi 333 juta yang terlibat adalah kanak-kanak. Menurut PBB, kemiskinan bukan sahaja didefinisikan sebagai kekurangan pendapatan tetapi merangkumi kekurangan makanan berkhasiat, mengalami diskriminasi sosial dalam aktiviti kemasyarakatan dan kekurangan akses pendidikan (Arianto, 2024).

Sistem pendidikan formal di sekolah yang melibatkan keseluruhan kanak-kanak adalah penting bagi memastikan pembangunan masyarakat dari segi sumber manusia, ekonomi, politik dan sosial. Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 menekankan kanak-kanak di Malaysia turut berhak menerima peluang pendidikan sama rata bagi membangunkan potensi diri tanpa mengira lokasi tempat tinggal, latar belakang sosio ekonomi, kumpulan etnik mahupun jantina (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2013). Namun begitu, terdapat segolongan kanak-kanak daripada keluarga kurang berkemampuan yang berdepan dengan cabaran kewangan sehingga menyebabkan mereka tercicir daripada akses pendidikan. Masalah keciciran ini dikaitkan dengan golongan B40 atau Bottom 40% iaitu yang terdiri daripada mereka yang berpendapatan di bawah kadar gaji bulanan minimum RM4,850 (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2016). Selain menyediakan Pelan Pembangunan Pendidikan komprehensif bagi meningkatkan kualiti, ekuiti dan akses pendidikan, KPM juga berusaha menyediakan bantuan pendidikan berfokus bagi memastikan tiada murid yang tidak mempunyai akses pendidikan dan ketinggalan dalam pembelajaran. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa isu dan cabaran yang perlu ditangani agar hasrat dan usaha ini dapat dilaksanakan dengan berkesan.

Dalam hirarki teori keperluan Maslow, tingkat keperluan seseorang bermula daripada fisiologi asas, keselamatan, kasih sayang, penghargaan sehinggalah kesempurnaan sendiri. Teori ini menjelaskan jika keperluan fisiologi asas tidak dipenuhi, maka keperluan-keperluan pada tingkat seterusnya juga gagal dicapai. Dalam usaha membantu murid B40 mendapat pendidikan yang baik, keperluan paling asas seperti berpakaian sempurna, tidak berasa lapar dan dahaga, tempat belajar yang kondusif dan mempunyai kelengkapan asas untuk belajar perlu dipenuhi dahulu, agar murid B40 dapat memberi fokus kepada pembelajaran (B. S. Alias, M. R. Ishak & M. N. A. Nordin, 2021). Seterusnya, keperluan sosial seperti keselamatan, kasih sayang, persahabatan, kerjasama dan penghargaan, perlu dipenuhi. Sebagai contoh, murid B40 juga wajar diberikan peluang untuk berinteraksi dan berkomunikasi dalam suasana ceria serta tidak dipinggirkan dalam sebarang aktiviti anjuran sekolah. Tingkat keperluan seterusnya adalah kesempurnaan sendiri iaitu keinginan mencapai impian dan membangunkan potensi diri. Murid B40 perlu diberikan peluang untuk mencapai apa yang diinginkan, dan bimbingan

untuk mempunyai perancangan hidup, cita-cita serta keinginan untuk berjaya pada masa hadapan. Ringkasnya, bantuan yang diberikan perlu lebih berfokus dan teratur berdasarkan tingkat-tingkat keperluan Maslow agar keberkesanan dapat dicapai.

2. Dasar dan Inisiatif Bantuan Kepada Murid B40

Dasar Pendidikan Kebangsaan melalui Sistem Pendidikan Kebangsaan (SPK) memperuntukkan bahawa pendidikan di Malaysia mesti bersifat komprehensif bagi memenuhi keperluan negara serta memupuk perpaduan selaras dengan prinsip-prinsip Rukun Negara. Justeru, bantuan pendidikan sedia ada bersifat menyeluruh kepada semua golongan murid dan kurang berfokus kepada murid B40. Antara bantuan pendidikan yang disediakan oleh Kerajaan adalah seperti berikut:

I) Bantuan Awal Persekolahan

Bermula tahun 2012, Kerajaan telah mengumumkan pemberian bantuan awal persekolahan (BAP) dengan kadar RM100 bagi membantu meringankan kos perbelanjaan ibu bapa atau penjaga pada awal sesi persekolahan setiap tahun. Bantuan ini disasarkan kepada keluarga berpendapatan kurang daripada RM 3,000. Manakala pada pembentangan Belanjawan 2023, BAP telah dinaikkan kepada RM150 dan diperluas kepada semua murid sekolah di Malaysia tanpa mengira pendapatan isi rumah.

II) Rancangan Makanan Tambahan

Program Rancangan Makanan Tambahan (RMT) disasarkan kepada murid di sekolah rendah daripada keluarga berpendapatan rendah. Program RMT ini bagi memastikan murid tidak belajar dalam keadaan lapar serta dihasratkan agar pembesaran, kesihatan dan tabiat pemakanan mereka bertambah baik. Peruntukan yang ditetapkan adalah sebanyak RM3.50 bagi semenanjung Malaysia dan RM4.00 bagi Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan.

III) Biasiswa Kecil Persekutuan

Pemberian Biasiswa Kecil Persekutuan (BKP) bermula sejak tahun 1970an dan diberikan kepada murid daripada keluarga berpendapatan rendah bagi menggalakkan kecemerlangan dalam pelajaran. Kadar biasiswa RM70 diberikan kepada pelajar warganegara Malaysia, tingkatan 1 hingga 6 di sekolah kebangsaan dan sekolah bantuan kerajaan, dengan pendapatan ibu bapa atau penjaga tidak melebihi RM1500 sebulan, cemerlang dalam akademik dan kokurikulum dan tidak menerima sebarang biasiswa atau elaun kewangan lain daripada agensi Kerajaan dan bukan Kerajaan.

IV) Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin

Tabung Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin (KWAPM) telah ditubuhkan bermula tahun 2003 bagi memberi bantuan kepada pelajar miskin supaya tidak tercicir dalam persekolahan selaras dengan penguatkuasaan Dasar Pendidikan Wajib pada Januari 2003. Bantuan RM100 setahun diberikan kepada murid tahun 1 hingga 6 yang memenuhi kriteria kelayakan, dan RM150 kepada pelajar tingkatan 1 warganegara Malaysia, di sekolah kerajaan dan sekolah bantuan kerajaan, berdaftar dengan sistem eKASIH atau DMOA yang disahkan berstatus miskin atau miskin tegar, murid miskin berstatus Orang Asli mengikut Akta 134, dan pendapatan isi rumah untuk murid berdasarkan Paras Garis Kemiskinan (PGK) nasional semasa.

V) Bantuan Pakaian Seragam Badan Beruniform

Pemberian Bantuan Seragam (BPS) bermula tahun 2008 diberikan kepada murid warganegara Malaysia yang berada pada tahun 4, tingkatan 1 dan tingkatan 4 di sekolah Kerajaan atau sekolah bantuan Kerajaan. Selain itu, murid yang ketua isi rumahnya telah berdaftar dengan sistem eKASIH dan dikategorikan sebagai miskin atau miskin tegar di samping murid yang tidak dibekalkan pakaian seragam lengkap oleh badan induk pasukan pakaian beruniform yang dianggotai.

VI) Inisiatif KPM Terhadap Pendidikan Murid B40

KPM berhasrat memberikan fokus terhadap isu kemiskinan multidimensi murid daripada keluarga B40 termasuk daripada aspek malnutrisi, peranti dan ruang belajar (KPM, 2024). Inisiatif KPM dalam meningkatkan kelestarian pendidikan kepada golongan B40 dilaksanakan melalui penerimaan masuk seramai 9,350 murid cemerlang B40 ke Sekolah Berasrama Penuh (SBP) pada sesi persekolahan 2019 selaras dengan dasar KPM yang ingin mengembalikan semangat SBP untuk membantu murid-murid berpotensi golongan B40 (KPM, 2024). Selain itu, Kerajaan telah mengumumkan sumbangan sebanyak RM150 juta ke dalam Tabung CERDIK bagi pemberian komputer riba kepada 150 ribu murid yang tidak memiliki sebarang peranti komputer dan pelan data untuk mengakses internet di 500 buah sekolah seluruh negara (Astro Awani, 2021).

3. Pernyataan Masalah

Kebanyakan ibu bapa dan penjaga murid B40 bergantung kepada sumber pendapatan yang tidak tetap dan tidak mencukupi. Keadaan ini mengakibatkan mereka perlu mengutamakan keperluan asas dan tidak dapat menyediakan keperluan pembelajaran anak-anak sebaiknya (Z. Mahamod et al., 2021). Ahli sosiologi terkemuka seperti Weber dan Max berpandangan, tahap sosioekonomi keluarga lebih banyak memberi kesan kepada cara didikan anak-anak berbanding faktor persekitaran dan faktor sosial. Anak-yang yang berada dalam keluarga bersosioekonomi baik akan lebih bermotivasi, dan lebih berpotensi untuk cemerlang. Anak-anak yang berasal daripada keluarga dengan tahap sosioekonomi rendah dikaitkan dengan isu kemiskinan, terpisah daripada pembangunan, menjalani kehidupan sukar, kekurangan keperluan asas dan mundur dalam kehidupan (Z. Jamaluddin, 2011).

Rata-rata ibu bapa B40 berdepan dengan tekanan hidup yang menyebabkan mereka kurang mengendahkan soal pendidikan anak-anak. Sikap ketidakpedulian ini menjadi punca anak B40 tercicir dalam pelajaran dan sikap ini boleh merebak sehingga mempengaruhi ibu bapa lain dalam masyarakat setempat. Pelbagai bantuan telah disalurkan bagi memperbaiki isu pendidikan murid B40, namun keberkesannya masih belum terbukti. Isu bantuan ini tidak boleh ditangani oleh para guru dan pentadbiran sekolah sahaja, tetapi perlu didasari oleh polisi yang kemas daripada Kerajaan khususnya KPM. Dalam berdepan dengan cabaran pendidikan sebegini, pandangan dan cadangan yang disuarakan oleh pelbagai pihak perlu di ambil kira secara terbuka.

4. Sorotan Literatur

Isu pembelajaran dalam kalangan murid sering dibincangkan dalam dunia pendidikan. Kajian-kajian sebelum ini menyatakan antara punca murid mengalami masalah dalam pembelajaran ialah faktor sosioekonomi keluarga, sikap murid itu sendiri, cara hidup dan amalan seharian dalam keluarga, faktor kawan-kawan rapat serta kaedah pengajaran guru di sekolah (TH. Subra et al., 2019). Selain itu, minat dan motivasi pelajar yang rendah, kurangnya kesedaran tentang

kepentingan pendidikan dan kurangnya penglibatan ibu bapa juga dikenal pasti sebagai faktor yang mempengaruhi masalah pembelajaran dalam kalangan murid B40 (P. F. S. Arshat et al., 2019). Kebanyakan kajian lepas mengaitkan isu pendidikan B40 dengan teori keperluan Maslow. Terdapat kajian yang menyatakan bahawa dasar dan pelaksanaan program bantuan berkaitan pendidikan kumpulan B40 perlu memberi penekanan terhadap semua tingkat keperluan murid sebagaimana teori Maslow (B. S. Alias et al., 2022). Kajian yang sama menyatakan dasar dan pelaksanaan program berkaitan pendidikan B40 di Malaysia masih memfokuskan tingkat keperluan fisiologi dan belum memenuhi tingkat keperluan yang lain yang juga penting dalam memenuhi keperluan individu.

Terdapat kajian yang meneroka pengaruh sosioekonomi terhadap keciciran pendidikan melibatkan murid miskin di daerah Kuala Kedah (Subra T. H. et al., 2019) dan yang membincangkan tahap resiliensi pelajar B40 di sekolah pinggir bandar (Zulliana Hasan, Nor Shafrin Ahmad & Shahabuddin Hashim, 2021), serta yang melihat keciciran pendidikan dalam kalangan anak-anak asnaf di sekolah luar bandar negeri Perlis (Nor Adli Che Muda, Ismail Said, Rashidi Hamzah & Mohd Fadzil Mohd Salleh, 2023). Selain itu, terdapat juga kajian yang meneroka pendekatan sosioemosi guru dalam membantu murid B40 melibatkan pemilihan sampel di Julau, Sarawak (S. L. Manggie and R. M. Yasin, 2022). Bagi kajian-kajian ini, data dikumpulkan dari sekolah-sekolah tertentu di beberapa negeri sahaja, yang mungkin tidak mewakili dan mencerminkan keseluruhan murid B40 di Malaysia. Kajian melibatkan persampelan di kawasan bandar juga perlu dibuat untuk menentukan situasi sebenar pendidikan murid B40 dan perbandingan yang lebih menyeluruh dapat dilihat untuk penambahbaikan dasar dan pelaksanaan yang lebih berkesan.

Kajian-kajian lepas yang dilaksanakan secara kualitatif pula lebih memfokuskan data sekunder yang melihat implikasi Covid-19 terhadap kemiskinan kanak-kanak (Saari, F. A., Ismail, W. A. A. Z. W., & Anuar, T. F. T., 2021). Kajian-kajian sebelum ini kurang melibatkan pembuat dasar di peringkat nasional bagi meninjau pandangan dan keterbatasan yang ada dalam menggubal dan menambahbaik dasar dan pelaksanaan program pendidikan melibatkan murid B40. Isu lain yang dibincangkan adalah tentang jumlah bantuan yang terhad, agihan bantuan yang tidak menepati sasaran, penyalahgunaan bantuan, dan kekurangan tindakan susulan terhadap murid yang menerima bantuan. Kajian lepas juga mendapati bahawa hampir tiada sekolah melaksanakan program motivasi khusus untuk murid B40. Selain itu, kerjasama dan kolaborasi pelbagai pihak dalam memberikan sumbangan tidak dapat dioptimumkan dan sistem agihan bantuan perlu lebih bersepadu untuk menggantikan sistem e-kasih. Terdapat juga kajian yang melaporkan tiada tindakan susulan untuk memantau dan menilai keberkesanan bantuan yang diberikan kepada murid B40 (Bity Salwana Alias, Maslawati Mohamad, Khairul Azhar Jamaluddin, Nur Aidah Rashid, and Maryam Husna Maznorzuhairi, 2022).

Kajian yang dijalankan oleh KPM mendapati hampir dua pertiga murid B40 berprestasi rendah dalam akademik khususnya mata pelajaran utama iaitu Bahasa Melayu (KPM, 2016). Kebanyakan mereka tinggal di luar bandar dan datang daripada keluarga berpendapatan rendah. Sikap negatif dan pasif ini adalah berpunca daripada keinginan mereka untuk bekerja bagi meraih pendapatan, terpengaruh dengan rakan sebaya, tiada matlamat untuk berjaya serta tidak mempedulikan nasihat ibu bapa (S. M. R. Abdul Rashid & N. Samat, 2018). Kajian yang sama juga menunjukkan tahap resiliensi akademik murid B40 yang dilihat melalui keupayaan untuk berhadapan dengan tekanan dan ancaman mengakibatkan mereka mengalah dan tercicir daripada persekolahan. Kajian resiliensi ini menunjukkan majoriti murid daripada keluarga B40 mempunyai tahap resiliensi yang rendah menyebabkan kelemahan dalam akademik seterusnya tidak berjaya mengeluarkan diri dan keluarga daripada kemiskinan.

Banyak punca yang menyebabkan murid B40 terus terbelakang dalam akademik. Terdapat kajian yang memaparkan bahawa bimbingan sangat penting dalam pembelajaran murid. Namun, dalam proses mendidik, guru perlu peka terhadap keperluan asas murid B40 kerana penyempurnaan sendiri hanya berlaku jika keperluan-keperluan sebelum penyempurnaan sendiri dalam hierarki Maslow dicapai terlebih dahulu (S. Y. Shan Ying and K. Osman, 2021). Kajian KPM (2011) mendapati kepimpinan dan pentadbiran sekolah boleh mempengaruhi prestasi akademik murid, termasuklah murid B40. Amalan kepimpinan dan pentadbiran digabungkan dengan kemudahan pembelajaran dan akses pendidikan secara tidak langsung akan meningkatkan pencapaian murid.

5. Kajian Asas

Satu kajian asas berbentuk tinjauan dengan pendekatan kualitatif menggunakan kaedah temubual separa berstruktur melibatkan beberapa orang guru besar dan pentadbir sekolah rendah di daerah Sepang telah dijalankan. Responden dipilih dari sekolah yang enrolmennya mempunyai lebih daripada 10% murid B40. Temubual telah dilaksanakan secara atas talian dan soalan-soalan yang dikemukakan berkisar tentang isu yang dihadapi dalam pelaksanaan pemberian bantuan pendidikan kepada murid B40 di sekolah masing-masing dan cadangan penambahbaikan yang difikirkan sesuai. Analisis tematik digunakan sebagai cara mengidentifikasi tema-tema daripada data mentah temubual yang telah dijalankan.

6. Dapatan Kajian

Berdasarkan kajian asas yang dijalankan, terdapat beberapa isu dalam pelaksanaan bantuan pendidikan kepada murid B40 yang perlu ditangani seperti berikut:

I) Pengurusan Data Murid B40

“..Terdapat sebilangan murid yang memang diketahui tahap sosioekonomi keluarganya yang kurang berkemampuan, tetapi tidak mendapat bantuan KWAMP. Ini adalah kerana bantuan KWAMP diberi berdasarkan data eKasih yang tidak dikawal selia oleh pihak sekolah..”

“..Tidak semua murid yang bertaraf miskin menerima bantuan KWAMP disebabkan pemilihan tidak dibuat oleh pihak sekolah, tetapi dibuat oleh pihak kerajaan. Pihak sekolah hanya menguruskan penyaluran bantuan sahaja..”

“..Pihak sekolah tidak dapat memastikan semua murid miskin mendapat bantuan KWAMP kerana pemberian bantuan tidak berasaskan data APDM. Pihak sekolah tidak dapat membantu apabila ada ibu bapa yang mempersoalkan kenapa anak mereka tidak dapat bantuan sedangkan anak jiran mereka yang taraf hidupnya hampir sama dengan tanggungan yang lebih kecil mendapat bantuan..”

“..Bantuan KWAMP perlu dikemaskini agar semua murid yang layak mendapat bantuan. Ada murid yang dikategorikan tidak layak menerima KWAMP pada tahun lepas tetapi mengalami masalah sosioekonomi pada tahun ini. Akan tetapi disebabkan data eKasih tidak diselaraskan, murid berkenaan masih tidak layak menerima bantuan KWAMP..”

II) Wang Bantuan Digunakan untuk Tujuan Selain Pendidikan

“..Duit bantuan yang diterima tidak dibelanjakan untuk membeli keperluan persekolahan anak-anak, sebaliknya digunakan untuk keperluan lain. Perkara ini dimaklumkan sendiri oleh murid-murid kepada guru-guru..”

“..Pihak sekolah tidak dapat mengawal penggunaan wang bantuan yang diberi menyebabkan ia bebas dibelanjakan oleh ibu bapa/ penjaga. Akhirnya anak-anak masih tiada buku tulis dan pakaian yang lengkap walaupun telah menerima wang bantuan..”

“..Ibu bapa/ penjaga seolah-olah tidak faham tujuan bantuan diberikan adalah untuk kegunaan pendidikan anak-anak mereka, dan bukan untuk dibelanjakan mengikut kehendak mereka sendiri..”

“..Bantuan dalam bentuk wang tunai menyebabkan ia bebas digunakan. Kerajaan perlu memikirkan kaedah pemberian bantuan dalam yang lebih sesuai agar tidak disalahguna oleh ibu bapa/ penjaga..”

“..Sukar untuk memastikan bantuan yang diberi benar-benar digunakan untuk pendidikan anak-anak. Mungkin pihak Kerajaan boleh menggantikan bantuan wang tunai dengan baucar yang hanya boleh digunakan di kedai-kedai tertentu..”

“..Pihak kerajaan, KPM dan pihak sekolah perlu berterusan mengingatkan ibu bapa/ penjaga agar mempunyai integriti dalam menggunakan wang bantuan yang diberi dengan menyediakan keperluan pendidikan anak-anak..”

III) Kadar Bantuan Tidak Memadai

“..Peruntukan bantuan awal persekolahan sebanyak RM150 hanya cukup untuk membeli sepasang persalinan lengkap seperti kemeja/ baju kurung, kain/ seluar, tudung, sepasang stoking dan kasut. Sedangkan murid-murid juga perlu membeli tada nama, tali leher, pakaian PJK, kemeja-t rumah sukan dan pakaian unit beruniform..”

“..Nilai bantuan sangat kecil sehinggakan pihak sekolah perlu membuat pertimbangan untuk melantik murid B40 memegang jawatan seperti pengawas atau memilih mereka untuk mewakili sekolah dalam aktiviti kokurikulum kerana bimbang mereka akan terbeban untuk membina pakaian khas yang berbeza dengan pakaian sekolah biasa..”

“..Kos yang diperuntukkan untuk program RMT sangat rendah sehinggakan pengusaha kantin sukar menyediakan makanan berkhasiat yang lengkap untuk murid B40..”

IV) Bantuan Tidak Meningkatkan Prestasi Pelajaran

“..Rata-rata murid B40 berprestasi sederhana ke lemah. Ada yang tidak menguasai kemahiran asas membaca, menulis dan mengira. Namun terdapat sebilangan kecil yang dapat menguasai pelajaran dengan baik dan menyerlah dalam akademik..”

“..Majoriti murid B40 bukan hanya mengalami masalah kewangan, malahan mereka juga kurang rajin dan kurang berusaha meningkatkan prestasi pelajaran. Mereka perlu selalu dinasihati, diingatkan dan diberi perhatian agar tidak ketinggalan dalam pelajaran..”

“..Cabaran utama dalam mendidik murid B40 ini, mereka tidak ada perancangan masa hadapan dan cita-cita tinggi. Mereka berada dalam kelompok yang sama seperti mereka

dan mempunyai pemikiran yang terhad. Banyak bimbingan perlu diberikan secara berterusan. Selalunya selepas cuti sekolah yang panjang, segala bimbingan yang telah diberikan kepada mereka akan cair..”

“..Kalau dapat dilihat kepada agihan murid mengikut kelas, ketara menampakkan murid B40 berada di kelas terkebelakang. Rata-rata mereka lebih meminati aktiviti kokurikulum dan sukan daripada pelajaran dalam kelas..”

“..Dengan program bantuan seperti RMT, murid B40 dapat mengikuti pembelajaran dengan lebih baik kerana sudah tidak berlapar. Akan tetapi tumpuan murid terhadap pembelajaran bergantung kepada sikap murid itu sendiri. Tidak dapat dipastikan sama ada bantuan RMT dapat menaikkan prestasi pelajaran ataupun tidak..”

“..Tiada rekod atau data yang dapat ditunjukkan bagi menyatakan bantuan-bantuan telah dapat meningkatkan prestasi pembelajaran murid B40. Dari pandangan pihak sekolah, murid B40 yang mahu belajar, akan tetap besungguh-sungguh walaupun tiada bantuan diberikan.

“Bantuan yang diberikan dapat membantu murid membeli barang keperluan, tetapi kesungguhan dalam pelajaran perlu dipupuk dari rumah kerana banyak faktor-faktor lain yang mengganggu perkembangan murid B40 selain daripada faktor kewangan..”

V) Keperluan Bantuan Selain Berbentuk Kewangan

“..Mereka kurang bermotivasi dan ada yang tidak berminat menyambung pengajian ke sekolah menengah, malahan ada yang sudah mula ponteng sekolah dengan pelbagai alasan. Perkara ini memberi pengaruh negatif kepada rakan-rakan lain..”

“..Murid B40 mempunyai masalah jati diri yang lemah. Mungkin mereka sudah dibebani pelbagai masalah hidup pada usia kecil. Sebilangan juga mempunyai masalah disiplin seperti buli, bergaduh dan ejek-mengejek. Sebilangan lagi bersikap sensitif dan mudah melawan sekiranya berhadapan dengan sikap rakan-rakan yang kurang menyenangkan..”

“..Guru-guru dan pihak sekolah perlu berhadapan dengan sikap tidak acuh terhadap pelajaran seperti tidak menjaga buku teks yang diberikan percuma, tidak menyiapkan kerja sekolah, tidak hadir aktiviti kokurikulum dan kelas tambahan..”

“..Sebahagian murid B40 telah biasa tidak hadir ke sekolah atas alasan membantu ibu bapa, menjaga adik dan urusan keluarga. Pihak sekolah cuba menangani isu begini dengan menghubungi ibu bapa/ penjaga serta memberi surat peringatan. Berdasarkan pemerhatian, mereka sebenarnya perlu diberikan kesedaran yang lebih berkesan agar menumpukan perhatian kepada persekolah bagi menjamin masa depan mereka..”

“..Murid-murid B40 mudah hilang minat terhadap pelajaran dan lebih berminat untuk bekerja. Ada yang mengikut ibu bapa berniaga di pasar malam dan sedikit sebanyak menjejaskan tugas yang diberi guru. Mereka perlukan bimbingan dan nasihat agar mereka faham tanggungjawab pada usia sebegini adalah belajar dan bukannya bekerja..”

“..Sebahagian keluarga B40 sangat bergantung kepada bantuan Kerajaan, sedangkan mereka juga perlu berusaha keras memperbaiki taraf hidup. Perlu ada usaha menerangkan

kepada murid yang masih muda agar tidak terlalu mengharap bantuan. Mereka perlu berkeinginan untuk memperbaiki hidup dengan mendapat kejayaan dalam pelajaran..”

VI) Cara Penyaluran Bantuan Kurang Berkesan

“..Sekiranya Kerajaan boleh memberikan autoriti kepada pihak sekolah untuk menguruskan pemilihan murid yang layak menerima bantuan, penyaluran bantuan akan lebih berkesan. Pihak sekolah dapat memastikan hanya murid yang layak akan dibantu dan isu keciciran bantuan dapat ditangani..”

“..Bagi memastikan keberkesanan pemberian bantuan memberi impak positif kepada pendidikan murid B40, pihak sekolah patut diberi kebebasan untuk mengendalikan bantuan sepenuhnya dengan peruntukan daripada Kerajaan. Pihak sekolah boleh mengawal dengan salah satu cara, murid mestilah hadir ke sekolah, menyertai aktiviti yang dianjurkan, berkelakuan baik serta menunjukkan peningkatan, barulah bantuan akan diteruskan untuk tahun-tahun akan datang..”

7. Cadangan Penambahbaikan

Walaupun, kajian dan perbincangan tentang isu bantuan pendidikan murid B40 telah banyak dilaksanakan, namun kebanyakan pandangan bersifat umum dan tidak mengkhusus kepada penyelesaian spesifik untuk satu-satu kawasan seperti kawasan bandar, pinggir bandar atau luar bandar. Selain itu, cadangan peranan yang perlu dimainkan oleh segenap anggota masyarakat perlu diperincikan agar semua pihak terlibat secara aktif dan konsisten dalam menangani isu ini. Berikut adalah cadangan penyelesaian berbentuk peranan yang boleh dimainkan oleh pihak berkaitan bagi menangani isu bantuan pendidikan kepada murid B40:

I) Peranan Ibu Bapa dan Penjaga

Kesediaan murid terhadap penerimaan ilmu perlu dilentur dari rumah kerana perubahan sikap menjadi payah setelah usia bertambah (S. Y. Shan Ying & K. Osman, 2021). Dalam hal ini, ibu bapa dan penjaga bertanggungjawab untuk memastikan hak pendidikan anak-anak diberikan dengan sebaik mungkin (Abidah Abd Ghaffar, 2021). Ibu bapa mempunyai peranan paling besar dan penting dalam menanamkan minat dan kesediaan menimba ilmu. Ibu bapa perlu menjadi pendorong utama kepada anak-anak untuk mencapai kecemerlangan pendidikan. Ibu bapa mesti menyediakan kelengkapan peralatan dan kewangan yang secukupnya untuk anak-anak belajar (Albert Allang et al., 2019). Pengurusan keluarga, pendidikan anak-anak dan tanggungjawab mencari rezeki perlu diseimbangkan agar tiada peranan yang terabai. Komunikasi yang baik dan hubungan harmoni dalam sesebuah keluarga juga mempengaruhi emosi anak-anak agar mererka tidak terganggu dan dapat menumpukan perhatian dalam pembelajaran.

II) Peranan Pentadbir Sekolah dan PIBG

Pentadbir sekolah merupakan pihak yang mempunyai kuasa untuk menentukan hala tuju dan pembinaan budaya warga sekolah. Sehubungan dengan itu, pihak pentadbir boleh memainkan peranan untuk mendapatkan dana dan sumbangan daripada pihak-pihak yang berpotensi dalam usaha membantu murid B40. Selain bantuan dalam bentuk kewangan, pihak pentadbir perlu memikirkan bantuan berbentuk sokongan emosi, program kaunseling, bimbingan akademik dan aktiviti pembangunan karektor untuk meningkatkan prestasi pembelajaran dan kesedaran murid B40. Pihak pentadbir sekolah boleh mengadakan program motivasi dengan melibatkan pihak-pihak yang memberikan perkhidmatan percuma. Pihak pentadbir dengan kerjasama PIBG perlu mempunyai

jaringan yang baik dengan pihak-pihak yang berpotensi untuk membantu seperti ahli politik, pemimpin masyarakat, syarikat swasta, yayasan, alumni sekolah yang telah berjaya, para selebriti mahupun orang perseorangan yang boleh membantu dari segi kewangan mahupun pelaksanaan program yang sesuai. Program kutipan dana boleh dirancang dan dilaksanakan, serta hasilnya disalurkan untuk menyelamatkan murid B40 daripada tercicir. Perjumpaan dengan ibu bapa dan penjaga murid B40 perlu kerap dilaksanakan agar mereka lebih faham dan sedar akan peranan mereka dalam menunaikan hak pendidikan anak-anak.

III) Peranan Guru

Peranan guru sebagai pembimbing dan pengurus dalam bilik darjah amat penting bagi memastikan tiada murid yang terpinggir sama ada dalam pembelajaran mahupun sokongan emosi. Di samping menyampaikan ilmu, guru-guru perlu mengambil berat agar keperluan murid B40 dipenuhi berdasarkan tahap keperluan Maslow serta emosi mereka berada dalam keadaan baik agar dapat menumpukan perhatian kepada pelajaran. Guru juga berperanan memberikan nasihat dan dorongan berterusan sama ada kepada murid mahupun ibu bapa agar dapat memantau pembelajaran anak-anak di rumah. Guru-guru boleh menggunakan medium teknologi untuk memberi peringatan tentang pembelajaran di samping menjalinkan hubungan baik dengan ibu bapa. Guru-guru perlu menjadi contoh teladan dan tempat rujukan murid-murid yang mungkin tidak mendapat sokongan secukupnya daripada ibu bapa. Guru-guru juga boleh menggunakan pelbagai kaedah kreatif dalam pengajaran seperti elemen teknologi, muzik dan permainan untuk menarik minat dan fokus murid-murid B40.

IV) Peranan Kerajaan dan KPM

Bagi mengatasi isu keciciran bantuan disebabkan oleh ketidak cekapan pengurusan data, Kerajaan melalui KPM perlu memastikan pembangunan dan penyelenggaraan sistem pemyaliran bantuan yang efisien. KPM selaku agensi pusat yang bertanggungjawab menyelaras penyaluran bantuan, perlu sentiasa berperanan aktif dalam memastikan dan memantau dasar-dasar berkaitan pendidikan B40 dilaksanakan dengan teratur. Masalah pembelajaran dan keciciran pendidikan dalam kalangan murid B40 bukan masalah baharu. Sehubungan dengan itu, perlunya pemerkasaan program-program pendidikan seperti program LINUS yang memfokuskan pemulihan khas murid-murid sekolah rendah dalam menguasai kemahiran asas membaca, menulis dan mengira (3M).

Program Perantisan Industri Menengah (PIMA), yang dilaksanakan secara kolaboratif dengan pihak industri juga perlu ditambah baik dan diteruskan sebagai alternatif kepada murid-murid B40 yang lebih cenderung ke arah kemahiran berbanding akademik. Kadar bantuan sedia ada seperti Bantuan Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin (KWAPM), Bantuan Awal Persekolahan (BAP), Rancangan Makanan Tambahan (RMT), Skim Pinjaman Buku Teks (SPBT) dan Program Susu Sekolah (PPS) perlu diteruskan dan ditambahbaik dan disemak agar lebih memadai dengan keadaan semasa. KPM juga perlu memikirkan penambahbaikan kepada program bantuan sedia ada agar lebih berkesan. Sebagai contoh, kadar bantuan perlu berbeza mengikut kos sara hidup kawasan tertentu sebagaimana pemberian Kadar Bantuan Sara Hidup Penjawat Awam (COLA). KPM perlu terus agresif dalam mempertahankan hak pendidikan anak-anak B40 agar anak-anak B40 turut mencapai kemerlangan pendidikan yang akan dapat mengubah status ekonomi dan sosial mereka pada masa hadapan.

V) Peranan Pemimpin Masyarakat, Alumni dan Pihak Swasta, Organisasi Bukan Kerajaan dan Pihak Berautoriti

Pihak-pihak ini perlu mendahulukan keperluan pendidikan murid-murid B40 dalam agenda bantuan mereka kerana usaha membantu dalam aspek pendidikan merupakan usaha bermakna yang memberi kesan kepada pembangunan bangsa dan negara. Bantuan yang dihulurkan boleh terdiri daripada pelbagai bentuk sama ada kewangan, program pembangunan kesedaran, sokongan moral dan perkongsian pengalaman alumni yang telah berjaya mengubah taraf ekonomi keluarga. Antara pendekatan yang boleh dibuat oleh syarikat swasta dan pihak yayasan adalah dengan menaja persekolahan murid B40 sehingga berjaya dan boleh diteruskan dengan ikatan kontrak berkhidmat bagi memberi peluang pekerjaan kepada mereka. Cadangan ini dilihat sebagai situasi menang-menang di mana murid B40 beroleh pendapatan dan pihak yang membantu mendapat pulangan pelaburan daripada bantuan yang telah diberikan.

VI) Peranan Anggota Komuniti Setempat

Anggota komuniti juga boleh turut sama memainkan peranan dalam dalam menangani isu pendidikan murid B40 di kawasan masing-masing. Keprihatinan masyarakat dengan cara memastikan anak-anak di kawasan kediaman tidak mengabaikan persekolahan akan dapat membantu masalah ponteng. Masyarakat dan pihak komuniti boleh mengusahakan inisiatif kelas tambahan atau pembelajaran berkumpulan, serta pembelajaran di rumah di premis-premis kemudahan seperti dewan, balai raya, ruang pejabat yang berdekatan, surau mahupun masjid. Anggota masyarakat yang lebih berkemampuan boleh memberi sokongan dengan menyokong perniagaan atau perkhidmatan golongan B40 dalam komuniti masing-masing. Selain itu, anggota masyarakat juga boleh menyuburkan kembali amalah ambil tahu dan tegur menegur antara satu sama lain dalam usaha memastikan anak-anak B40 tidak terbiar.

8. Cadangan Kajian Akan Datang

Terdapat beberapa cadangan kajian berkaitan pendidikan B40 yang boleh dilaksanakan oleh pengkaji pada masa akan datang. Antaranya ialah kajian berkenaan keberkesanan program bantuan kepada murid B40 dalam memastikan mereka dapat mengikuti persekolahan dengan lancar. Kajian ini memerlukan koleksi data murid yang mendapat bantuan, data kehadiran mereka ke sekolah termasuk kehadiran aktiviti kokurikulum dan program-program sekolah, berserta trend prestasi pelajaran mereka agar perbandingan boleh dibuat dalam menentukan sama ada bantuan yang diterima signifikan dengan peningkatan prestasi mereka. Walaupun kajian yang membahas permasalahan pembelajaran dalam kalangan murid B40 sudah banyak dilaksanakan, namun penelitian lanjut untuk mengenal pasti faktor-faktor yang menyebabkan permasalahan tersebut masih diperlukan. Selain itu, kajian-kajian yang melibatkan pendidikan murid B40 di kawasan bandar masih berkurangan di mana kajian-kajian lepas lebih banyak menumpukan kawasan luar bandar. Kajian yang menumpukan sampel murid B40 (miskin bandar) penting bagi mengenal pasti sekiranya terdapat keperluan bantuan dan nilai peruntukan yang berbeza antara kawasan bandar dan luar bandar.

9. Kesimpulan

Secara keseluruhannya, artikel ini telah membincangkan isu dan cadangan dalam pengurusan program bantuan kepada murid B40. Dapatan tinjauan menunjukkan bahawa program bantuan yang sesuai dapat meningkatkan pengurusan keperluan murid dan kemenjadian murid B40. Semua pihak perlu memainkan peranan penting dalam memastikan pengurusan program

bantuan kepada murid B40 mencapai matlamatnya di samping berganding bahu dalam membantu melaksanakan pelan pembangunan pembelajaran yang sesuai untuk agar murid B40 mendapat pendidikan yang berkualiti demi masa hadapan yang lebih cerah. Selain itu, perhatian yang serius terhadap isu dan cadangan ini perlu bagi meningkatkan kualiti pendidikan dan memenuhi keperluan pendidikan murid B40 secara lebih menyeluruh.

Penghargaan

Penulis ingin merakamkan penghargaan kepada Universiti Kebangsaan Malaysia kerana memberikan sokongan untuk penerbitan artikel ini. Selain itu, ucapan terima kasih ditujukan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia kerana membiayai pengajian penulis.

Rujukan

- Abdul Rashid, S. M. R., & Samat, N. (2018). Kemiskinan keluarga dan pengaruhnya terhadap tahap pendidikan rendah masyarakat luar bandar: Kajian kes di jajahan Bachok, Kelantan. *Journal of Social Sciences and Humanities*, 13(1), 11-23.
- Abidah Abdul Ghafar. (2021, April 5). Hak kanak-kanak dapat pendidikan formal di sekolah. *Berita Harian*.
- Alias, B. S., Ishak, M. R., & Nordin, M. N. A. (2021). The relationship between school leaders' ability to manage underprivileged students' needs and the level of achievement of these students. *International Journal of Educational Management, ahead-of-print*(ahead-of-print). <https://doi.org/10.1108/ijem-08-2019-0277>
- Alias, B. S., Mohamad, M., Jamaluddin, K. A., Rashid, N. A., & Maznorzuhairi, M. H. (2022). Pelaksanaan dasar bantuan pendidikan murid B40: Cabaran, jurang dan strategi. *MASA Policy Brief 06*. Institut Masa Depan Malaysia.
- Allang, A., Awang, M., Ahmad, A. R., & Ahmad, A. (2019). Influenced factors of B40 students' academic achievement. *International Journal of Creative Future and Heritage (TENIAT)*, 2(9), 77-91. <https://doi.org/10.32698/gcs.0192>
- Arjanto, D. (2023, October 17). Definisi kemiskinan dalam pandangan PBB. *Tempo*. <https://dunia.tempo.co/read/1785202/definisi-kemiskinan-dalam-pandangan-pbb>
- Arshat, P. F. S., & Ismail, Z. (2018). Keluarga B40: Tekanan dan kekuatan. *Journal of Advanced Research in Social and Behavioural Sciences*, 10, 91-102. <https://www.akademiabaru.com/arsbs.html>
- Astro Awani. (2021, February). Bantu pelajar B40: Inisiatif CERDIK dilancar Februari ini. <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/bantu-pelajar-b40-inisiatif-cerdik-dilancar-februari-ini-279680>
- Astro Awani. (2024, April 28). Seramai 333 juta kanak-kanak seluruh dunia terlalu miskin. <https://www.astroawani.com/berita-dunia/seramai-333-juta-kanakkanak-seluruh-dunia-terlalu-miskin-437460>
- Che Muda, N. A., Said, I., Hamzah, R., & Salleh, M. F. M. (2023). Keciciran pendidikan dalam kalangan anak-anak asnaf: Kajian kes sekolah rendah di negeri Perlis. *International Journal of Education and Counseling*, 8(50), 602-617.
- Facebook. (n.d.). Log in to Facebook. <https://web.facebook.com/photo/?fbid=2163342730371044&set=a.591269180911748>
- Hasan, Z., Ahmad, N. S., & Hashim, S. (2021). Resilien akademik dalam kalangan murid B40. *Journal of Educational Research and Indigenous Studies*, 3(1), 37-49.
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2016). Laporan penyiasatan pendapatan isi rumah dan kemudahan asas mengikut negeri dan daerah pentadbiran. Putrajaya: Jabatan Perangkaan Malaysia.

- Jamaluddin, Z. (2011). Kemiskinan dan keciciran dalam pendidikan. *Jurnal Kebajikan Masyarakat*, 37(1), 5-20.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2011). Kajian perbandingan pencapaian akademik pelajar lelaki dan perempuan sekolah menengah. Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan, Putrajaya.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2013). Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2013). Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2016). Kajian murid lemah pencapaian akademik. Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan, Putrajaya.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2024, April 28). Majlis amanat tahun baharu 2023 YB Menteri Pendidikan. <https://www.moe.gov.my/19-januari-2023-majlis-amanat-tahun-baharu-2023-yb-menteri-pendidikan>
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (n.d.). Dasar Pendidikan Kebangsaan. https://www.pmo.gov.my/dokumenattached/Dasar/09DASAR_PENDIDIKAN_KEBANGSAAN.pdf
- Mahamod, Z., Mazlan, R., Amin, N., & Abd. Rahman, M. Z. (2021). Tahap penguasaan kemahiran membaca dan menulis murid-murid B40 dalam pembelajaran Bahasa Melayu. *PENDETA: Journal of Malay Language, Education and Literature*, 12(1), 40-62.
- Mahamod, Z., Mazlan, R., Amin, N., & Abd. Rahman, M. Z. (2021). Tahap penguasaan kemahiran membaca dan menulis murid-murid B40 dalam pembelajaran Bahasa Melayu: The level of proficiency in reading and writing by B40 students in Malay language. *PENDETA*, 12(1), 40-62.
- Manggie, S. L., & Yasin, R. M. (2022). Pendekatan sosio emosi guru dalam PdP bagi membantu murid GALUS B40 tahun 6. *MJSSH*, 7(4).
- Saari, F. A., Ismail, W. A. A. Z. W., & Anuar, T. F. T. (2021). Implikasi Covid-19 terhadap kemiskinan kanak-kanak. *International Journal of Creative Future and Heritage (TENIAT)*, 9(1), 126-133.
- Shan Ying, S. Y., & Osman, K. (2021). Pengetahuan, sikap dan kesediaan murid B40 luar bandar terhadap pendidikan perubahan iklim. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 3(3), 320-330. <https://doi.org/10.35631/ijem-08-2019-0277>
- Subra, T. H., Abdullah, M. A. I. L., & Devi, K. (2019). Pengaruh sosioekonomi keluarga terhadap keciciran pelajar-pelajar India: Kajian kes di daerah Kuala Muda, Kedah. *International Journal of Modern Trends in Social Sciences*, 2(9), 77-91.
- Subra, T. H., Abdullah, M. A. I. L., & Devi, K. (2019). Pengaruh sosioekonomi keluarga terhadap keciciran pelajar-pelajar India: Kajian kes di daerah Kuala Muda, Kedah. *International Journal of Modern Trends in Social Sciences*, 2(9), 77-91. <https://doi.org/10.35631/ijem-08-2019-0277>.